

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: Thursday, October 11, 2018 2:27 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri b. Nordin; Dr. Mohamed Ali bin Haniffa; Faizah Bt Hashim
Subject: "FLY WITH MATHEMATICS" APLIKASI PEMBELAJARAN BERDAYA SAING MUDAHKAN PELAJAR PROGRAM ASASI PENGURUSAN SELESAIKAN MASALAH MATEMATIK




Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

11 OKTOBER 2018/ 02 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

"FLY WITH MATHEMATICS" APLIKASI PEMBELAJARAN BERDAYA SAING MUDAHKAN PELAJAR PROGRAM ASASI PENGURUSAN SELESAIKAN MASALAH MATEMATIK



PAP On-line: Program "Fly with Mathematics" yang diadakan pada 2 Oktober 2018 lalu dengan kerjasama pensyarah kursus AQ0013 *Fundamental of Mathematics I* telah memberi impak positif kepada para pelajar Program Asasi Pengurusan. Pembelajaran interaktif berbentuk aktiviti dan penyelesaian masalah terbukti berkesan. Realitinya matematik diaplikasikan dalam kehidupan seharian untuk menyelesaikan masalah-masalah tertentu.

Asas kefahaman dalam matematik yang memerlukan reaksi aktif pelajar tidak mampu untuk dicapai sekiranya kursus matematik diajar secara tradisional dalam ruang lingkup tertutup di dalam kelas. Hal ini kerana Matematik merupakan satu kursus yang penting dalam

membina pemikiran kritis dalam kalangan pelajar sejajar dengan kedudukannya sebagai sebahagian komponen di dalam STEM, iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

Program “Fly with Mathematics” diadakan bertujuan merealisasikan visi tersebut di samping membantu Pusat Asasi Pengurusan menambah baik sistem penyampaian pengajaran dan pembelajarannya ke arah yang lebih progresif dan berdaya saing.

Aktiviti pertama yang telah dilaksanakan sepanjang Semester Pertama ialah Bengkel “I C D Beauty in STEM” yang diadakan pada 25 Julai 2018 dengan kolaborasi antara Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS), UUM dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah sempena Karnival Eksplorasi STEM dan Larian PIDA Peringkat Negeri Kedah.

Aktiviti kedua pula ialah aktiviti *Function* yang telah dilaksanakan di Stadium UUM manakala aktiviti ketiga ialah pembentangan $((2M)^2 T)$ *Mathematics Talk*.

Program “Fly With Mathematics” menyaksikan persembahan “Energizer Hip Hop Fibonacci Dance” oleh ahli jawatankuasa persembahan, Muhammad Haziq Ridzuan dan Deevagaran Naidu a/l Baskaran. Seterusnya, program diisi dengan persembahan $((2M)^2 T)$ *Mathematics Talk* oleh 6 orang pelajar dan *Function Dance* oleh Muhammad Haziq dan Deevagaran.

Turut hadir ke program tersebut ialah Prof. Madya. Dr. Fauziah Abdul Rahim, Pensyarah Kanan daripada Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML), Prof. Madya Dr. Nazihah Ahmad daripada Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) dan Dr. Massudi Mahmuddin daripada Kolej Sastera dan Sains yang bertindak sebagai juri jemputan bagi pertandingan pembentangan video dan poster.

Menurut Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim, program tersebut perlu dijadikan acara tahunan untuk pelajar Program Asasi Pengurusan kerana ia mampu memberi impak positif kepada pelajar dan mendedahkan mereka tentang aplikasi matematik. Beliau juga berkata bahawa program tersebut amat penting untuk menghasilkan pelajar kelas pertama setelah bergraduasi dari UUM yang mampu mengaplikasikan matematik dalam alam pekerjaan mereka.

Pendapat beliau turut disokong oleh Prof. Madya. Dr. Munif Zarrirudin Fikri Nordin, Timbalan Pengarah (Akademik) Pusat Asasi Pengurusan. Beliau berpendapat rata-rata pelajar amat meminati penganjuran program sebegini kerana ia memperlihatkan kelainan dalam pembelajaran matematik era masa kini.

Seorang pelajar yang ditemu bual, Nurul Anis Shahirah Binti Md Noor berkata program ini sangat menarik dan membantu pelajar untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang matematik.

Pada program tersebut juga, majlis penyampaian sijil kepada fasilitator bengkel dan urusetia program telah disempurnakan oleh Prof. Dr. Haslinda Ibrahim manakala penyampaian hadiah untuk pemenang pembentangan poster telah disampaikan oleh Prof. Madya. Dr. Munif Zarriruddin Fikri Nordin.

Pada majlis penutup program “Fly with Mathematics”, Dekan, Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya telah berbesar hati menyampaikan hadiah kepada pemenang pembentangan video dan *Mathematics Talk* $((2M)^2 T)$ serta juri jemputan.

Majlis diakhiri dengan sesi fotografi bersama tetamu jemputan dan pelajar Program Asasi Pengurusan.

SEKIAN.

=====

DARIPADA:
PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3452/3456
FAKS: 04-928 3453
E-MEL: asasi@uum.edu.my
FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan
LAMAN WEB : Pusat Asasi Pengurusan



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.